

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN PERDANA MENTERI
(JPM)

HAZRIN ADILA BINTI MOHAMAD HASRINA

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2004

100045514

c(u; 5242

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

Pengarang <i>Hazrin Adila bin Mohamad Hashim</i>	No. Panggilan <i>LJ 6</i>		
Judul <i>Latihan industri di Unit pentadbiran dan</i>	FPE 1 <i>2004</i>		
Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan

i100045514 Kolej Univ

Perpustakaan

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)



LI 6 FPE 1 2004



1100045514
Laporan akhir latihan industri di Jabatan Perdana Menteri /
Hazrin Adila Mohamad Hashim.

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045514

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
UNIT PENTADBIRAN DAN KEURUSETIAAN
BAHAGIAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN
DAN SUMBER MANUSIA
(BPPSM)
JABATAN PERDANA MENTERI
(JPM)**

Oleh :

**HAZRIN ADILA BINTI MOHAMAD HASHIM
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada


Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2004

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya **Hazrin Adila Binti Mohamad Hashim** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : **Hazrin Adila Binti Mohamad Hashim**

Tarikh: **14 Oktober 2004**

Disahkan Oleh :



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN	I
RINGKASAN EKSEKUTIF	III
PENGENALAN KEPADA LATIHAN INDUSTRI	IV
SENARAI CARTA	VII

BAB 1 : PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Profil Organisasi	2
1.3	Objektif	4
1.4	Piagam Pelanggan	4
1.5	Struktur Organisasi	5
1.6	Unit Pentadbiran dan Keurusetiaan	7
1.7	Kemahiran / Aktiviti Yang Dipelajari	10
1.8	Penutup	14

BAB 2 : PENGENALPASTIAN SISTEM, MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

2.1	Pengenalan	15
2.2	Pengenalpastian Sistem Sedia Ada	15
2.3	Pengenalpastian Masalah	19
2.4	Cadangan Penyelesaian	22

2.5	Rumusan Analisis dan Perbincangan	30
2.6	Penutup	32

BAB 3 : PENUTUP DAN CADANGAN

3.1	Penutup	33
3.2	Cadangan	35

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Penyayang

Alhamdulillah...segala puji bagi Allah S.W.T. Tuhan pencipta sekalian alam, selawat dan salam buat Rasul junjungan, Nabi Muhammad (S.A.W.), para sahabat (r.a.) juga para mujahid. Akhirnya laporan akhir Latihan Industri yang telah diamanahkan kepada saya telah berjaya disiapkan walaupun terdapat pelbagai halangan dan cabaran dalam menyiapkannya.

Laporan akhir Latihan Industri ini dibuat bertujuan untuk memenuhi syarat bagi melengkapkan kursus Latihan Industri. Kalungan penghargaan yang teristimewa dikhaskan buat Penyelaras Program Polisi Dan Sekitaran Sosial iaitu Cik Norhayati bt. Sa'at serta Penyelia Industri Kustem iaitu Tuan Haji Razali bin Abdullah dan Penyelia Industri Unit Pentadbiran dan Keurusetiaan, Bahagian Pengurusan Perkhidmatan dan Sumber Manusia (BPPSM), Jabatan Perdana Menteri, Encik Dick Khuzariry dan Encik Ismail Osman di atas tunjuk ajar dan bimbingan dalam menyiapkan laporan ini.

Ucapan terima kasih ini juga ditujukan untuk kedua ibu bapa saya yang banyak membantu saya sewaktu menjalani latihan praktikal di Jabatan Perdana Menteri. Ucapan ini juga ditujukan kepada Ketua Penolong Setiausaha, Encik Suib dan seluruh warga Unit Pentadbiran dan Keurusetiaan, khususnya dan Bahagian Pengurusan Perkhidmatan dan Sumber Manusia, amnya kerana

memberi saya peluang untuk menjalani latihan praktikal di sini selama 12 minggu serta telah banyak membantu saya dalam mendapatkan dan memperolehi segala maklumat yang saya perlukan dalam menyiapkan laporan ini. Tidak lupa juga sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada rakan-rakan seperjuangan iaitu Norlailahusna Razali, Norhartini Fadzil, Nazli Zainal Zainal, Siti Zuliekha Ismail, Hanisah Abdullah dan ramai lagi yang telah banyak membantu serta memberi dorongan dalam proses menyiapkan laporan ini.

Akhir sekali, saya bersyukur kerana dapat menyiapkan laporan ini dan pengalaman yang saya perolehi selama saya menjalani latihan praktikal di Jabatan Perdana Menteri tidak akan saya persiakan dan akan saya jadikan petunjuk serta panduan apabila saya berada dalam dunia kerjaya yang sebenar kelak. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atas tidak langsung dalam menyiapkan tugas ini.

Terima kasih buat semua, Wassalam.

Ditulis oleh,

.....
(HAZRIN ADILA BINTI MOHAMAD HASHIM)

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi,
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM),
21300 Mengabang Telipot,
Kuala Terengganu.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Perdana Menteri (JPM) terletak di Wilayah Persekutuan Putrajaya di mana ia merupakan satu lambang kebanggaan rakyat Malaysia merangkap Pusat Pentadbiran bagi negara kita yang tercinta. JPM diterajui oleh Perdana Menteri Malaysia iaitu Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi. Di dalam bab yang pertama, pelajar telah mengupas beberapa subtopik seperti latar belakang organisasi, fungsi-fungsi organisasi dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan organisasi. Ia turut merangkumi kemahiran-kemahiran yang dipelajari oleh pelajar sepanjang menjalankan Latihan Industri di organisasi tersebut. Selain itu, pelajar juga telah didedahkan dengan beberapa skop tugas yang terdapat di organisasi serta memahami secara terperinci mengenai organisasi.

Sepanjang tempoh menjalani Latihan Industri, pelajar telah ditempatkan di Unit Pentadbiran dan Keurusetiaan, salah satu Unit yang terdapat di bawah Bahagian Pengurusan Perkhidmatan dan Sumber Manusia (BPPSM). Sepanjang tempoh itu, pelajar telah mengenal pasti beberapa sistem yang digunakan di Unit tersebut serta kesannya kepada Unit khususnya dan kepada Bahagian amnya. Antaranya ialah seperti sistem EGDS yang setakat ini hanya diaplikasikan secara menyeluruh di Jabatan Perdana Menteri sebagai salah satu sistem pengurusan dokumen yang utama dan terpenting. Pelajar juga telah mengesan beberapa permasalahan yang wujud dalam sistem-sistem yang dijalankan oleh Unit ini. Ekoran itu, beberapa cadangan dan usul telah dinyatakan sebagai tanda melengkapkan ilmu yang telah diaplikasikan oleh pelajar selama berkhidmat di Unit tersebut. Semua yang tersebut telah dihuraikan oleh pelajar di dalam bab yang kedua nanti.

Sebagai kesimpulannya, di dalam bab yang terakhir iaitu bab yang ketiga, pelajar telah berjaya mengenal pasti dan mencadangkan beberapa cadangan kepada Unit tersebut dengan tujuan agar Unit tersebut dapat meningkatkan mutu kerja dan kualiti di Unit Pentadbiran dan Keurusetiaan. Selain itu, pelajar juga telah membuat kesimpulan bahawa Unit Pentadbiran dan Keurusetiaan merupakan satu Unit yang mempunyai potensi untuk lebih maju dan terus berkembang dengan baik. Pelajar juga berharap agar laporan Latihan Industri ini dapat menjadi sumber rujukan dan panduan kepada semua pihak terutama bagi pihak Unit Pentadbiran dan Keurusetiaan dan pelajar-pelajar Polisi dan Sekitaran Sosial yang akan menjalani Latihan Industri pada masa akan datang.